

NET BARU ALUKAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Orang ramai mengalu-alukan Kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir dan berpendapat adunan muka-muka baru dan mereka yang berpengalaman merupakan satu asas kukuh ke arah mewujudkan sebuah pentadbiran bersih, cekap dan amanah.

Kalangan terkemuka negara juga berpendapat ia mempunyai potensi untuk menjadikan Janji Perdana Menteri kepada para pengundi dalam pilihanraya umum lalu sebagai satu kenyataan.

Datuk Seri Dr. Mahathir semalam mengumumkan Kabinet pertamanya selepas pilihanraya tanpa sebarang perubahan besar, yang mencerminkan hasrat Perdana Menteri bagi menjamin penerusan dasar dan strategi lalu.

Bellau melantik tiga Menteri baru dan menggugurkan seorang Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Dapat ilham baru

Kalangan usahawan gembira kerana portofolio Kewangan, Perdagangan dan Perindustrian serta Perusahaan Utama kekal pada Menteri-menteri yang lama untuk memastikan penerusan dasar dan strategi lalu.

Manakala kaum wanita pula berbesar hati kerana perwakilan mereka di dalam kerajaan turut bertambah.

Pada keseluruhannya, mereka berpendapat jentera pembangunan negara akan mendapat ilham baru berikutan dengan kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya itu.

Menyebut mereka, kadar prestasi pembangunan negara akan mencapai tahap lebih membanggakan kerana pentadbiran 2M mendapat mandat penuh dari rakyat.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Tan Sri S.O.K. Ubaidulla sambil mengalu-alukan Kabinet baru itu menisfikatkannya sebagai langkah berkesan dalam usaha menjamin penerusan pelaksanaan berbagai projek pembangunan.

Katanya, peralihan semula para Menteri terutama bagi portofolio Kewangan, Perdagangan dan Perindustrian serta Perusahaan Utama diambatkan baik kerana mereka dikenali para pemimpin yang degil.

Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan dan Perusahaan Antarabangsa Malaysia, Enck D.C.L. Wilson berkata dewan itu gembira kerana portofolio Kewangan dan Perdagangan serta Perindustrian kekal dipegang oleh Menteri-menteri lama.

Bellau juga berharap pihaknya akan dapat bekerjasama erat dengan mereka.

Bagaimanapun, bellau dukacita ke-

rana Datuk Richard Ho digugurkan dari portofolionya dan berharap penggantian. Datuk Mak Hon Kam akan mengamalkan sikap muka bekerjasama sebagaimana Datuk Ho dulu.

CUEPACS pula menisfikan Kabinet baru itu sebagai yang berorientasikan tindakan dan berharap ia akan dapat bekerjasama erat dengan pergerakan buruh.

Setiatusaha Agungnya, Enck Jamaluddin Isa juga berharap kerajaan baru 2M akan lebih mengerti keperluan-keperluan kakitangan awam.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Enck Zainal Rampak berkata Kabinet baru itu mencerminkan kesungguhan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk mewujudkan kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Bellau juga berharap para anggotanya akan dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lebih berkesan.

Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Tan Sri Fatimah Hashim berkata, Kabinet baru itu adalah sangat membanggakan khususnya kepada kaum wanita kerana terlintiknya dua Menteri dan empat Timbalan Menteri wanita.

"Kaum wanita di negara ini haruslah merasa bangga di atas perlantikan itu kerana ini mencerminkan betapa pentingnya peranan wanita dalam pembangunan negara," jelasnya.

Angkatan Bella Islam Malaysia (ABIM) pula enggan mengulas mengenai susunan Kabinet baru tersebut.

Membanggakan

Sementara itu, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cabang Pulau Pinang menisfikan barisan Kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed yang diumumkan semalam melambangkan Kabinet rakyat.

Yang Dipertua Dewan tersebut Syed Abbas Alhabshee berkata hari ini, lantikan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir adalah sesuai.

Syed Abbas juga gembira kerana terdapat beberapa orang muka baru dalam Kabinet tersebut termasuk dari kalangan muda.

Bellau berkata, dewan tersebut akan memberi kerjasama penuh kepada kerajaan dan semua anggota Kabinet tersebut.

Syed Abbas juga yakin di bawah Kabinet baru itu juga pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerajaan akan berjalan lebih pesat lagi.

Sementara itu, Setiausaha Barisan Nasional kawasan Parlimen Jelutong, Haji Azmi Merican menisfikan lantikan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Menteri Tak Berportofolio di Jabatan Perdana Menteri dan Enck Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Menteri di jabatan tersebut adalah membanggakan UMNO negeri ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia